

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXVI)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

23. Apakah status projek hospital Islam patuh syariah yang telah lama dicadang di tanah Majlis Agama Islam di sebelah Hotel Seri Malaysia Bayan Baru.
- (a) Apakah benar projek ini tidak mampu dibina oleh Yayasan Islam Pulau Pinang dan akan dijual kepada entiti yang lain?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

23. Status pembinaan Hospital Islam Pulau Pinang (HIPP) berada di peringkat proses pembaharuan Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan (PB).

Pihak Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) telah berjaya membuat serahan dokumen atas talian pada 22 Januari 2020 dan serahan dokumen fizikal pada 28 Januari 2020 kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Segala dokumen bagi tujuan pembaharuan KM dan BP kini sedang disemak oleh pihak MBPP dan pihak MBPP akan memberi maklum balas berkaitan keperluan dokumen dari semasa ke semasa.

- (a) Projek ini masih dikendalikan oleh YIPP dan setakat ini tiada keputusan untuk dijual atau diserahkan kepada entiti lain.